

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
(BATU PAHAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.05.2016**

**Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [ BATU PAHAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini mengenai penambahbaikan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menambahbaik pelaksanaan GST dan menjalankan usaha yang berterusan untuk memberi kefahaman yang tepat mengenai pelaksanaan GST kepada golongan peniaga melalui pelbagai program kesedaran dan latihan serta platform perbincangan isu GST. Antara

program penerangan dan latihan yang terus dijalankan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah program *Hand Holding* kepada syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST mengikut sektor/ industri untuk memberikan penjelasan secara lebih mendalam khususnya mengenai isu berbangkit bagi sektor/ industri tertentu. Sehingga 6 April 2016, sebanyak 1,090 program *Hand Holding* telah diadakan dengan penyertaan lebih daripada 120,000 orang dari pelbagai sektor perniagaan. Selain itu, JKDM juga sedang menjalankan pelbagai pameran GST dan mengadakan dialog berkaitan GST bersama peniaga di seluruh Malaysia bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman GST di kalangan peniaga dan juga orang awam sebagai golongan pengguna yang wajar memainkan peranan untuk sama-sama menyokong dan meningkatkan pematuhan GST melalui program seperti sentiasa memastikan resit jualan diperolehi daripada perniagaan yang telah berdaftar GST.

Disamping itu, Kerajaan juga telah menyediakan platform perbincangan mengenai isu GST melalui 2 buah jawatankuasa seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pemantauan GST di peringkat Kementerian Kewangan yang dianggotai oleh wakil industri, akademik dan pengguna sebagai landasan untuk menyalurkan maklumbalas,

pandangan atau idea bernas dalam melancarkan pelaksanaan GST; dan

- ii. Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan GST di Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang dianggotai oleh wakil industri dan Kerajaan. Jawatankuasa ini memberi fokus kepada isu-isu teknikal mengenai layanan GST yang telah dibangkitkan oleh sektor perniagaan supaya dapat dinilai dengan teliti dan membuat penambahbaikan yang perlu untuk memantapkan pentadbiran GST.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JKDM juga sentiasa menjalankan penambahbaikan ke atas pengurusan GST dan sistem pengkomputeran GST. Penambahbaikan ini ditumpukan kepada pelaksanaan urusan pentadbiran yang licin untuk memberi kemudahan kepada peniaga termasuklah dari aspek penghantaran borang retan GST dan membuat pembayaran menggunakan sistem pengkomputeran. Langkah ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan di dalam menjadikan GST sebagai satu sistem percukaian yang mudah, efektif dan mesra perniagaan. JKDM juga telah mengambil pelbagai langkah di dalam memendekan masa proses tuntutan bayaran balik kredit cukai input kepada peniaga. Pada masa yang

sama, JKDM juga telah membuat pindaan kepada modul "*Risk Assessment*" iaitu dengan membuat penilaian risiko dan tindakan verifikasi/pengesahan ke atas semua dokumen yang dikemukakan oleh peniaga supaya sistem yang digunapakai dapat mengesan tuntutan cukai input yang diragui/palsu. Apabila sistem mengesan dokumen yang dikemukakan adalah palsu, permohonan untuk menuntut kredit cukai input yang dikemukakan oleh peniaga tidak akan diluluskan.